

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]

TARIKH : 20 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8375

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status tindakan mahkamah dan senarai nama peserta yang ditangkap dalam perhimpunan baju merah yang berlaku pada 16.9.2015 kerana provokasi perkauman, menghina serta mencederakan polis, fitnah terhadap DAP dan Lim Kit Siang. Adakah tujuan perhimpunan tersebut untuk menunjukkan manifestasi perasaan orang Melayu yang kini "*ditolak ke dinding*".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sehingga 13 Oktober 2015, sebanyak 26 laporan polis diterima dan 15 kertas siasatan telah dibuka berhubung Perhimpunan Baju Merah baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini memandangkan ianya masih lagi di dalam siasatan polis.

Pihak polis tidak mengetahui tujuan sebenar penganjuran Perhimpunan Baju Merah melainkan yang telah dinyatakan di dalam permohonan untuk mengadakan perhimpunan awam. Isu utama yang dilihat adalah kesesuaian tempat di mana perhimpunan itu ingin diadakan dengan saiz jangkaan peserta. Tempat-tempat ini seperti Dataran Merdeka dan seumpamanya biasanya tidak dibenarkan kerana acara-acara rasmi lain Kerajaan telah dirancang terlebih dahulu serta untuk mengelakkan gangguan kepada lalu lintas.

Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat tentang tujuan perhimpunan tersebut adalah untuk menunjukkan manifestasi orang Melayu tidak dapat disahkan.